

# Galeri sejarah alam UKM

MALAYSIA kaya dengan biodiversiti memerlukan tempat mengumpul, mendokumentasi dan mempamerkan khazanah alam semulajadi merangkumi fauna, flora, batuan, mineral dan fosil yang terdapat di negara ini untuk dimanfaatkan segenap lapisan masyarakat dalam negara mahupun pelancong.

Justeru Muzium Sejarah Alam, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor didirikan bagi menyelaraskan pengurusan

berkaitan perolehan penyimpanan, pengkalan data, pengajaran dan pinjaman spesimen haiwan, tumbuhan dan geologi serta galeri dan pameran.

Menurut

**PROF. DR. NORHAYATI AHMAD**

Ketua Program Penyelidikan, Sumber Biologi dan Marin, Sekolah Alam Sekitar dan Sumber Sains Semulajadi, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, Prof. Dr. Norhayati Ahmad, galeri ini ditubuhkan untuk memberi pendedahan mengenai kekayaan sejarah alam yang mempunyai nilai warisan sumber tropika yang tinggi," katanya.

Fungsinya adalah menjalankan survei, spesimen, dokumentasi, menjana dan menyampaikan maklumat serta publisiti.

Prof Dr. Norhayati berkata, apa lebih menarik ikonnya adalah trilobit, organisma pertama muncul kira-kira 540 tahun lalu semasa cetusan besar kehidupan kompleks yang dikenali sebagai Letusan Kambrian tetapi telah pupus semasa zaman kepupusan Permian-Triassic.

"Trilobit pupus setelah



**OLEH  
KHAIRUNNISA  
SULAIMAN**

nisa.sulaiman@utusan.com.my

'memerintah' dunia selama 300 juta tahun, dua kali lebih lama berbanding zaman dinasour dan terdapat sekurang-kurangnya 5,000 genus dan 60,000 spesies haiwan trilobit.

"Di Malaysia batuan Kambrian Formasi Machinchang di Langkawi Global Geopark merupakan batuan tertua di Malaysia berusia antara 505 hingga 550 juta tahun dan tanah kelahiran bumi Malaysia, sekali gus menampung hidupan tertua negara. Hanya di Gugusan kepulauan Langkawi fosil trilobit dijumpai dan kerana itu dipilih sebagai ikon," katanya.

Galeri ini menampilkan lapan tema sejarah alam; geologi, botani, hutan bakau, mamalia, burung, amfibia, reptilia, serangga, haiwan marin dan galeri foto



kepelbagaian biologi.

## Geologi

Di Malaysia batuan tertua merupakan batuan sedimen dikenali formasi Machinchang dan sejak terbentuknya formasi ini semasa Zaman Kambrian, jujukan batuan sedimen telah terbentuk berterusan hingga sekarang.

## Reptilia

Daya graviti tidak berkesan terhadap haiwan sangat kecil mempunyai nisbah luas permukaan kepada isi padu badan tinggi.

## Tumbuh-tumbuhan

Tumbuhan mesti 'mengembara' untuk kelangsungan hidup tetapi perlu menghantar ejen iaitu benih menggunakan pelbagai kaedah pengangkutan seperti udara, air atau haiwan.

## Hidupan dalam air

Hidupan marin perlu sesuaikan diri menahan tekanan tinggi di dalam air mengurangkan keperluan oksigen dengan mengurangkan degupan jantung berbanding hidupan daratan yang sama saiz.

## Serangga

Serangga adalah kumpulan organisma paling kaya dari segi kepelbagaian di muka bumi. Terdapat kira-kira 4,000 spesies mamalia, 9,000 spesies burung, 250,000 spesies tumbuhan dan lebih 750,000 spesies serangga.

## Paya bakau

Tiada pokok lebih sedentari selain pokok paya bakau yang kuat menghadapi gelombang pasang surut air.

## Mamalia dan burung

Meskipun kita begitu tertarik dengan kepelbagaian namun masih wujud titik pertemuan berasas rekabentuk semua organisma berhubung kolerasi saiz dan bentuk. Haiwan dicipta mengikut kelebihan dan perlu mempunyai bentuk terbaik mengikut saiz.

Bagi tujuan praktikal terdapat stesen lapangan di Bukit Fraser, Mersing dan Pulau Langkawi dan sebagai lapangan satelit terdapat galeri mempamerkan spesimen.

Galeri ini adalah gabungan semua bidang sains dan teknologi. Kajian geologi mendapati pada zaman prekambrian tidak terdapat fosil haiwan tetapi semasa zaman kambrian trilobit muncul.

"Kajian menunjukkan batuan di Langkawi dan Gunung Jerai paling tua di Malaysia di mana formasi batuan Machinchang berusia sekitar 550 juta tahun lalu menyebabkan Langkawi diiktiraf sebagai UNESCO Geopark kerana memiliki batuan tertua di Malaysia dibandingkan dengan Borneo yang lebih muda," katanya.

